

23 April 2012

ACP Gan Kon Meng
Ketua Polis, Daerah Timur Laut
Pulau Pinang
Fax: 228 6503

Tuan,

BERSIH 3.0 DUDUK BANTAH DI PULAU PINANG

Merujuk kepada perkara diatas adalah dimaklumkan bahawa pihak kami, NGO Pulau Pinang yang menganggotai BERSIH 2.0, akan mengadakan satu himpunan di Pulau Pinang yang aman iaitu *DUDUK BANTAH*.

Untuk makluman pihak tuan, kami akan berkumpul secara aman pada:

Tarikh: 28 April 2012

Masa: 2 hingga 4 petang

Tempat: Dataran Pidato, Padang Kota Lama, Pulau Pinang

Duduk Bantah adalah untuk menyuarakan bantahan kami terhadap sistem pilihanraya negara ini yang kami percaya masih tidak bersih dan adil.

Pihak kami sudah menghubungi pihak Ketua Menteri YAB Tuan Lim Guan Eng mengenai perkara ini. Kami diberitahu bahawa kemungkinan besar beliau akan turut hadir *Duduk Bantah* ini. Tambahan pula, pihak kerajaan negeri tiada bantahan mengenai kegunaan Padang Kota Lama untuk *Duduk Bantah* ini. Maka kami sudah memaklumkan pihak MPPP mengenai perkara ini.

Justeru, kami berharap agar pihak tuan dapat memberikan kerjasama yang sepenuhnya dari segi keselamatan ketika *Duduk Bantah* kami berlangsung.

Sekian terima kasih dengan harapan *Duduk Bantah* ini akan berjalan dengan meriah dan lancar. Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi saya di talian 012-4524885.

Sekian

Yang Benar,



(Dr Francis Loh)

Presiden, Aliran

b/p NGO yang menganggotai BERSIH 2.0

s.k. Ketua Menteri Pulau Pinang YAB Tuan Lim Guan Eng Faks: 04-2613003